

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 02/12/2022

Edisi / Muka Surat : Nasional / 38

Tajuk : ANGKASA, ICA-AP, ACO anjur persidangan koperasi



ABDUL FATTAH

Angkasa, ICA-AP, ACO anjur persidangan koperasi

PETALING JAYA – Ikatan Koperasi Antarabangsa Asia Pasifik (ICA-AP), ASEAN Cooperative Organization (ACO) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menganjurkan Persidangan Cooperative-to-Cooperative (C-2-C) Trade and Business Conference on Demand vs Opportunities in Cooperative Business di Kuala Lumpur bermula 29 November hingga semalam.

Persidangan berkenaan menjadi platform bagi koperasi di ran-

tau Asia Pasifik menjalin hubungan dagangan strategik dan kerjasama antara koperasi, seterusnya meningkatkan jaringan perniagaan menerusi perkongsian ilmu, kepakaran, teknologi dan budaya.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, sektor koperasi perlu terus memperkukuh tindakan dan berubah mengikut landskap ekonomi yang kini bangkit secara perlahan-lahan lantaran krisis Covid-19.

"Gerakan koperasi sebagai

sektor yang berpaksikan masyarakatan harus bersama-sama berganding bahu untuk meningkatkan perniagaan yang lestari dan berdaya tahan bagi mengimbangi aspek ekonomi, sosial serta alam sekitar demi kesejahteraan anggotanya.

"Angkasa sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan sentiasa komited memperluas penglibatan koperasi dalam sektor berimpak tinggi agar ia mampu terus bersaing dalam pasaran terbuka,

seterusnya menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara," katanya dalam satu kenyataan.

Persidangan berkenaan disertai oleh 73 pemimpin koperasi dari 10 buah negara iaitu Malaysia, Vanuatu, India, Korea, Indonesia, Filipina, Thailand, Sri Lanka, Nepal dan Singapura.

Kini dianggarkan terdapat 14,834 buah koperasi di negara ini, dengan jumlah keseluruhan keanggotaan seramai 7.07 juta orang.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA